



UMNO PENGKHIANAT RAKYAT

Muqaddimah

Ini sebagai satu penulisan ringkas untuk menjawab tohmohan dan dakyah yang disebarkan kepada orang Islam di negara ini, kononnya Umno pembela agama dan Melayu. Dua isu ini yang di jadikan modal untuk memburukkan Pas dan Pakatan Rakyat, kononnya jika Umno kalah dalam pilihanraya umum akan datang bermakna Islam dan Melayu akan hancur. Daripada pengumpulan hujah-hujah yang ditemui jelas bahawa yang mengkhianat Islam dan Melayu ialah Umno, bukan Pas dan Pakatan Rakyat.

Pengkhianatan Umno Terhadap Agama

- Melanggar keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang mengharamkan bertafakkur di depan Tugu Negara tetapi Tun Abdullah (bekas Presiden Umno) telah melakukan juga sempena Hari Pahlawan pada 31/7/07



- Menutup surau Jubli Perak Bandar Baru Bangi yang mendirikan Jumaat diarahkan tutup dan imam ditangkap.
- Meroboh masjid Bujal di Kemaman,

- Meroboh surau di Kampung Berembang pada 30/11/06.
- Menjelang Ramadhan 2007 Surau al-Rahman Sek 8 Shah Alam diarah tutup.



Masjid Bujal

- Tidak hormat keputusan para mufti mengatakan Sure Heboh haram.



- Kabinet buang garis panduan hiburan yang dibuat oleh JAKIM.

- Tan Seri Nazri Aziz Menteri Di Jabatan Perdana Menteri menuduh orang yang membantah kumpulan yang hendak mengadakan seminar Artikel 11 (untuk memperjuangkan orang Islam bebas murtad) adalah kerja bodoh.



- Membarkan kumpulan anti hadis yang berada di dalam Umno.
- Selepas merdeka orang Islam ada 82%, setelah 52 tahun merdeka hanya tinggal 50% lebih.

- Umno tidak bersungguh-sungguh membentaras gejala murtad. Mengikut rekod orang murtad zaman penjajah selama 446 tahun hanya tidak sampai 150 orang. Tetapi 50 tahun merdeka di bawah tonggak Umno orang murtad 250 ribu (kenyataan Tan Seri Harusani Mufti Perak)
- Zaman Umno 9 menteri bukan slam berani membantah Artikel 121 (1a) mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah pada 10/6/06.
- Umno tidak berkerjasama pada program untuk mencegah maksiat contohnya kes penangkapan penguatkuasa JAWI terhadap 100 orang belia di Kelab Zouk Ampang.
- Membiarkan pelaburan KWSP dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera di dalam syarikat arak.
- Tidak mengarahkan jangan menghidang arak di dalam penerbangan MAS, kerana ia adalah hak kerajaan.



- Dato' Rais Yatim ketika merasmikan persidangan IFC di sebuah hotel di Bangi 2005 mengatakan bahawa semua agama adalah sama sahaja.
- Menghapuskan tulisan jawi sehingga orang Islam tidak pandai membaca al-Quran sehingga Utusan Melayu edisi jawi ditutup.
- **Membatalkan cuti hari Jumaat sebagai cuti umum di Negeri Johor, Perlis. Tan Seri Muhyiddin adalah orang yang bertanggungjawab di Johor ketika menjadi Menteri Besar.**
- Menghentikan bantuan perkapita kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), sehingga SAR terpaksa ditutup.
- Kerajaan pimpinan Umno di bawah Khir Toyo di Selangor telah menarik wang zakat yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang belajar di al-Azhar yang dituduh terlibat dengan parti pembangkang.



Khir Toyo



Zahid Hamidi

- Kabinet telah meluluskan undang-undang tukar agama pada 22 April 2009, iaitu undang-undang yang membenarkan seorang anak kekal agama asalnya (agama bukan Islam) apabila ibu bapanya menyertai agama Islam.



- Umno zaman Tun Dr. Mahathir telah mencuba untuk membuang nama Islam pada pertubuhan di negara ini.



- Dato' Seri Zahid Hamidi Menteri Pertahanan Malaysia merangkap Naib Presiden Umno Malaysia telah berjumpa dengan Menteri Pertahanan Israel, Ehud Barak semasa Pertunjukan Udara Paris di Perancis Jun lepas (NST 19 Julai 2009).